



اُيْتِمُ تِكْنُولُجِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

*UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN*

EDISI 2
APRIL 2025

U
R
H
P

UiTM *di hatiku*

اوسمها تقوى موليا

WHEEL OF FLAVOUR

Muhammad Zulhilmi Zulkifli, Mohamad Fahrin Rosli & Muhammad Aiman Awaluddin



Program ini berlangsung dari 25 hingga 27 November 2024 bertempat di perkarangan Kolej Mayang Selida, UiTM Kampus Seremban. Acara bermula seawal jam 10.00 pagi dan berakhir pada jam 11.00 malam setiap hari. Antara sorotan utama adalah sajian makanan tempatan yang pelbagai melalui trak makanan.

Program “Wheels of Flavour” merupakan sebuah acara istimewa yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Seremban. Acara ini bertujuan untuk meraikan kepelbagaian makanan tempatan serta mengeratkan hubungan dalam kalangan komuniti kampus dan masyarakat setempat. Dengan tema “Trak Makanan dan Hidangan Tempatan”, program ini dijangka menarik perhatian di kalangan mahasiswa dan juga komuniti

Objektif utama program ini adalah untuk memperkenalkan makanan tempatan kepada komuniti kampus dan masyarakat sekitar. Selain itu, ia juga bertujuan menyediakan platform kepada usahawan trak makanan untuk memperluaskan pemasaran produk mereka. Pada masa yang sama, program ini diharap dapat meningkatkan interaksi sosial dalam kalangan pelajar, staf, dan komuniti setempat.





Sepanjang program berlangsung, suasana di perkarangan Kolej Mayang Selida begitu meriah dengan kehadiran ramai pengunjung dari kalangan pelajar, staf, dan masyarakat sekitar. Trak makanan yang menawarkan pelbagai pilihan juadah menarik berjaya mencuri perhatian ramai. Pengunjung kelihatan menikmati makanan sambil bersosial dengan penuh keterujaan. Kehadiran traktrak yang dihias kreatif menambahkan lagi keceriaan acara ini. Diharapkan program ini

dapat dijalankan lagi di masa akan datang bagi membuka minat pelajar dalam bidang keusahawanan.